

## KHUTBAH JUMAAT

### “IBADAH KORBAN SUATU TUNTUTAN” (23 Jun 2023M/ 4 Zulhijjah 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :  
**'Ibadah Korban Suatu Tuntutan'.**

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kini, kita telah pun berada dalam bulan Zulhijjah. Ketika saudara-saudara kita sedang melaksanakan ibadah fardu haji di Makkah al-

Mukarramah, kita pula dianugerahkan satu ibadah yang sangat dituntut untuk melaksanakannya iaitu ibadah korban. Korban ialah sembelihan binatang ternakan seperti unta, lembu dan kambing dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Ibadah ini dilakukan pada Hari Raya Adha dan hari-hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surat al-Hajj ayat 34:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّن بَهِيمَةٍ  
الْأَنْعَامِ ۖ فَالْهُكْمُ لِلَّهِ وَالْحُكْمُ لِلَّهِ ۚ أَسْلِمُوا ۖ وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ

**Maksudnya:** *Dan bagi setiap umat telah kami syariatkan penyembelihan korban agar mereka menyebut nama Allah atas rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka berupa haiwan ternakan. Maka Tuhanmu ialah Tuhan Yang Maha Esa, kerana itu serahlah diri kamu kepada-Nya, sampaikanlah wahai (Muhammad) khabar gembira kepada orang yang tunduk patuh kepada Allah.*

Menurut Mazhab Syafie, hukum melaksanakan ibadah korban ialah sunat muakkadah dan sunat kifayah bagi sesebuah keluarga. Maksud korban adalah sunat muakkadah ialah sunat yang amat digalakkan sehinggakan sesiapa yang mempunyai lebih harta dari keperluan dirinya dan keluarga yang ditanggungnya pada siang hari raya haji dan malamnya serta hari-hari tasyrik (iaitu 11 hingga 13 Zulhijjah), tetapi tidak berkorban, maka hukumnya adalah makruh.

Maksud ibadah korban hukumnya sunat kifayah ialah sekiranya isi rumah lebih daripada seorang dan mereka adalah di bawah

tanggung (nafkah) wajib salah seorang daripada mereka, jika salah seorang daripada mereka melakukan ibadah korban, maka dia akan memperolehi pahala berkorban, dan gugurlah tuntutan berkorban daripada yang lain dan gugurlah juga hukum makruhnya.

Sesungguhnya, Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* tidak pernah meninggalkan ibadah korban sejak Allah *subhanahu wata'ala* mensyariatkannya. Oleh sebab itu, baginda *sallallahu alaihi wasallam* amat menggalakkan umatnya agar berkorban. Saidina Mikhnaf bin Sulaim meriwayatkan sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang berbunyi:

(( يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَى كُلِّ أَهْلِ بَيْتٍ فِي كُلِّ عَامٍ أُضْحِيَّةٌ ... ))

**Maksudnya:** *Wahai manusia, setiap keluarga hendaklah berkorban pada tiap-tiap tahun.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ibadah korban adalah sunnah Rasul yang sarat dengan hikmah dan keutamaan. Antara hikmah di sebalik pensyariatannya, antaranya:

**Pertama:** Kesanggupan berkorban menjadi bukti ketaatan seorang hamba kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Ia mengingatkan kita kepada pengorbanan Nabi Ibrahim *alaihis salam* dan anak kesayangannya iaitu Nabi Ismail *alaihis salam*. Inilah pengorbanan yang benar-benar menguji keimanan dan kesabaran jiwa manusia. Peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *alaihis salam* dapat mentarbiah dan mendidik diri untuk bersikap sabar terhadap

apa jua ujian yang diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam kehidupan, tidak mudah mengeluh dan tetap menyerah serta sentiasa bertawakal kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Justeru, penghayatan terhadap kisah pengorbanan tersebut kita zahirkan melalui kesanggupan membelanjakan harta untuk menyembelih binatang korban untuk diberikan kepada saudara-saudara kita yang memerlukan.

**Kedua:** Ibadah korban dapat memupuk sikap tanggungjawab dan prihatin terhadap masyarakat. Ini jelas melalui pengagihan daging-daging korban kepada yang mereka berhak menerimanya, khususnya fakir miskin dan asnaf yang memerlukan. Menanamkan rasa syukur kepada Allah *subhanahu wata'ala* atas segala kurniaan yang telah diberikan. Allah *subhanahu wata'ala* juga menjamin pertambahan rezeki bagi sesiapa yang mensyukuri nikmat-Nya.

**Ketiga:** Ibadah korban dapat mengikis sifat tamak terhadap harta kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Jika kita dapat memupuk nilai keikhlasan dalam melaksanakannya sudah pasti kita juga dapat memahami bahawa harta-harta yang melimpah ruah itu bukanlah hak milik mutlak kita sendiri bahkan di dalamnya juga terdapat hak-hak orang lain seperti golongan fakir miskin, anak-anak yatim dan sebagainya. Justeru, ibadah korban juga menjadi salah satu cara kita menyantuni mereka walaupun sedikit dan kecil jumlahnya. Ia adalah satu bentuk pengorbanan harta dan jiwa kerana bukan semua orang bersedia untuk memberi atau berkongsi apa yang dimilikinya.

Oleh sebab itu, pada kesempatan ini, khatib ingin mengajak sidang jemaah yang belum mendaftarkan diri sebagai peserta ibadah korban, marilah kita merebut peluang dan ganjaran daripada Allah *subhanahu wata'ala* ini. Masih belum terlambat untuk mengisi kuota-kuota bahagian korban yang ditawarkan oleh masjid-masjid dan surau-sarau di dalam komuniti kita. Malah, terdapat pelbagai kaedah dan cara untuk menjadi peserta ibadah korban yang ditawarkan oleh banyak pihak. Namun, berhati-hatilah agar tidak terpedaya dengan sindiket penipuan. Semoga kita memperolehi ganjaran seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi daripada saidatina Aishah *radiallahu anha* yang berbunyi:

(( مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ،  
إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنْ  
اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا ))

**Maksudnya:** *Tidak ada satu amalan anak Adam di hari Nahar (Hari Raya Aidiladha) yang paling Allah subhanahu wata'ala sukai selain daripada menumpahkan darah (sembelih binatang korban), kerana ia (binatang korban) itu akan datang di hari kiamat nanti dengan tanduk dan kukunya serta bulu-bulunya (sebagai saksi atas ibadah korban tuannya, dan sesungguhnya darah (binatang korban itu) akan tumpah di sisi Allah di suatu tempat sebelum tumpah ke bumi, Maka dengan sebab itu hendaklah kamu dengan rela dan ikhlas hati melaksanakannya untuk keuntungan diri sendiri.*

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

**Pertama** : Pensyariatan Ibadah korban kepada umat Islam menjadi wasilah seorang hamba untuk mendekati diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan menyuburkan kasih sayang sesama insan.

**Kedua** : Tingkatkan kefahaman kita terhadap ibadah korban agar kita dapat melaksanakannya dengan sempurna dan sepenuh penghayatan di samping meraih keredaan dan ganjaran pahala daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

**Ketiga** : Hanya dengan memahami erti korban dan pengorbanan yang betul, maka sudah tentu kita juga akan dapat memberikan pengorbanan yang paling bernilai kepada Allah *subhanahu wata'ala* daripada semua aspek.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hajj, ayat 37:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ اتَّقْوَىٰ مِنْكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ  
سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ

**Maksudnya:** Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesehatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.